

Najib sedia berjumpa
Utusan Online
07 September, 2012

BESUT 6 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak bersedia menemui bapa kepada pelajar yang menghina beliau dan isteri dengan melodehkan seluar pada potret mereka berdua.

Meskipun maklum akan kesediaan bapa pelajar itu untuk memohon maaf kepadanya secara peribadi, Najib berkata, apa yang berlaku kini terserah kepada proses perundangan yang ada.

"Saya tak ada masalah, saya terima sesiapa sahaja dan boleh diatur tapi mengikut proses undang-undang, tiada kompromi untuk dikecualikan (dikenakan tindakan)," jelasnya.

Bagaimanapun beliau tidak mengulas lanjut mengenai penghinaan tersebut yang dianggap masyarakat negara ini sebagai keterlaluan ke atas seorang pemimpin negara.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Hari Raya Aidilfitri Bersama Perdana Menteri di padang Bola Tempinis Kampung Tasik Tok Lebai di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan hasrat A. Rahman Abdullah, 53, untuk menemui Najib dan Datin Seri Rosmah Mansor agar dapat mengemukakan permohonan maaf secara peribadi di atas ketelanjuran anaknya.

Katanya, dia amat menyesali tindakan anaknya, Muhammad Ammar, 19, dan secara terbuka memohon maaf kepada seluruh rakyat yang turut marah dengan perlakuan biadap itu.

Dalam kejadian 30 Ogos lalu, Muhammad Ammar serta beberapa individu dipercayai peserta Himpunan janji Bersih telah mencemarkan sambutan Ambang Kemerdekaan di Dataran Merdeka dengan menghina gambar Najib dan isteri selain mengibar bendera Sang Saka bagi menggantikan Jalur Gemilang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120907/dn_02/Najib-sedia-berjumpa